

23 APR 1998

Mahathir-Burkina Faso

M'SIA, BURKINA FASO PERTINGKAT HUBUNGAN EKONOMI

KUALA LUMPUR, 23 April (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata hari ini Malaysia akan menghantar delegasi perniagaan ke Burkina Faso untuk mencari peluang usahasama di negara itu ekoran termeterainya dua perjanjian untuk meningkatkan hubungan ekonomi antara kedua-dua negara.

Perdana Menteri berkata terdapat banyak peluang kerjasama antara kedua-dua pihak.

Bagaimanapun, beliau memberitahu Presiden Blaise Compaore yang sedang melawat negara ini bahawa kemampuan syarikat-syarikat Malaysia untuk melabur sekarang agak terhad sedikit kerana masalah ekonomi yang dihadapi sekarang.

"Tetapi kita ingin ahli perniagaan kita pergi ke Burkina Faso untuk melihat sendiri apa peluang yang ada supaya apabila keadaan sudah lebih baik kita boleh pergi (dan melabur) di sana," kata beliau kepada pemberita selepas mengunjungi Compaore di sini.

Kedua-dua pemimpin itu menghadiri mesyuarat delegasi petang ini apabila kedua-dua negara menandatangani perjanjian perdagangan dan pelaburan untuk meluaskan bidang kerjasama perdagangan, ekonomi dan perindustrian dengan menyediakan bantuan yang diperlukan kepada sektor swasta.

Malaysia diwakili Menteri Perdagangan Antarabangsa Dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz manakala Menteri Perdagangan, Industri Dan Kraftangan Burkina Faso Idrissa Zampalegre, menandatangani bagi pihak kerajaannya.

Ketika memberi taklimat kepada pemberita mengenai mesyuarat itu, Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata antara bidang kerjasama yang mungkin diadakan ialah telekomunikasi, pertanian, perkhidmatan udara, industri automotif dan perlombongan.

Perdagangan dua hala berjumlah RM22.21 juta tahun lepas yang lebih memihak kepada Burkina Faso.

Beliau berkata Malaysia berpendapat hubungannya dengan Burkina Faso menguntungkan memandangkan negara Afrika itu termasuk dalam kesatuan ekonomi dan kewangan yang memperuntukkan antara lain, import yang bebas cukai.

"Malahan Burkina Faso ingin supaya kita turut mengkaji peluang pelaburan dengan anggota lain dalam kesatuan yang mempunyai lapan anggota itu," katanya.

Abdullah berkata terdapat juga kemungkinan bagi Malaysia memperkembangkan hubungan dengan Kesatuan Ekonomi Negara-negara Afrika Barat yang mempunyai 16 anggota dengan pasaran kira-kira 160 juta itu.

Katanya Dr Mahathir telah memberitahu Compaore mengenai persefahamannya dengan Presiden Perancis Jacques Chirac bagi Malaysia dan Perancis bekerjasama, mungkin dengan Jepun, untuk membantu dalam pembangunan negara-negara Afrika.

"Presiden Compaore menyambut baik daya usaha itu dan membayangkan kesediaan untuk memberikan kerjasama," katanya.

Abdullah berkata Burkina Faso juga bersetuju untuk menyokong usaha Malaysia bagi menjadi anggota tidak tetap Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu bagi penggal 1999/2000.

Compaore tiba semalam untuk lawatan negara lima hari.

-- BERNAMA

MAM NMO